

Muat turun Aplikasi myASNB

Dapatkan **RM10 PERCUMA**
berbentuk unit amanah

Muat Turun Sekarang



Terma dan Syarat

Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 47457-V) ("ASNB").
2. Kempen ini akan bermula pada 21 April 2019 sehingga 20 Mei 2019, atau sehingga lima ribu (5,000) pemegang unit yang layak dipilih untuk mendapat unit amanah bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) secara percuma, yang mana lebih awal ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakanya.
3. Kempen ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia kecuali semua kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad termasuk dan tidak terhad kepada kakitangan Permodalan Nasional Berhad, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad dan PNB Management Services Sdn. Berhad.
4. Untuk layak menyertai Kempen ini, peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) Peserta mestilah seorang pemegang unit mana-mana tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNB;
 - (ii) Peserta mesti memuat turun aplikasi mudah alih myASNB dan berjaya membuat pelaburan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) setiap transaksi ke dalam akaun sendiri dalam mana-mana tabung unit amanah ASNB ("Pelaburan");
 - (iii) Pelaburan mesti dibuat melalui aplikasi mudah alih myASNB, yang boleh dimuat turun daripada Google Play Store dan Apple App Store; dan
 - (iv) Pelaburan mesti dibuat dalam Tempoh Kempen.
5. Kempen ini hanya sah untuk transaksi pertama yang dilakukan oleh pemegang unit.

Hadiah

1. Pemegang unit yang layak akan mendapat unit bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) percuma dengan pelaburan minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) menerusi aplikasi mudah alih myASNB.
2. Sehingga lima ribu (5,000) pemegang unit dengan transaksi yang berjaya dalam Tempoh Kempen layak mendapat unit amanah bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) secara percuma.
3. Setiap pemegang unit hanya layak mendapat hadiah sekali sahaja.
4. Pemegang unit yang layak akan dipilih berdasarkan 'siapa cepat dia dapat'.
5. Hadiah tidak boleh ditukar dengan sebarang bentuk barangan lain. ASNB berhak untuk mengganti dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya.
6. Hadiah berupa unit amanah bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) akan dikreditkan selepas tiga puluh (30) hari dari tamat Tempoh Kempen.
7. Pemegang unit yang layak akan dimaklumkan melalui SMS selepas hadiah dikreditkan ke dalam akaun tabung unit amanah mereka.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa dengan memberi notis empat belas (14) hari terlebih dahulu melalui www.myasnb.com.my atau media sosial ASNB.
6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan atau tuntutan yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini. Peserta akan menanggung semua kerugian, kerosakan, kecederaan atau tuntutan yang dialami akibat daripada menyertai Kempen ini atau menggunakan hadiah yang diperolehi daripada Kempen ini.
7. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
8. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
9. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.